

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan tiga notis penguatkuasaan mengikut peruntukan Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan mengubahsuai kediaman strata hak milik bersama tanpa kebenaran dan kelulusan di Flat Kelompok Kemunting.

Unit Media Jabatan Perancangan Korporat DBKL berkata, ini susulan pihaknya melalui Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COBKL) menerima aduan mengenai pengubahsuaian yang berlaku di flat

DBKL keluarkan 3 notis penguatkuasaan

berkenaan.

“Pengubahsuaian di flat berkenaan membabitkan pembinaan struktur kekal oleh pemilik petak yang melebihi petak pemilik masing-masing di kawasan harta bersama.

“Hasil lawatan tapak oleh pihak COBKL di sekitar kawasan flat terbabit mendapati beberapa unit membuat pengubahsuaian, tambahan dan pembinaan struktur kekal tanpa mendapat kebena-

ran serta kelulusan pihak DBKL,” katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, DBKL memaklumkan, perkara ini di bawah bidang kuasa

pihak perbadanan pengu- rusan dan ia selaras pe- runtukan dalam Seksyen 59(1) Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

“Yang jelas menyatakan

“Hasil lawatan tapak oleh pihak COBKL di sekitar kawasan flat terbabit mendapati beberapa unit membuat pengubahsuaian, tambahan dan pembinaan struktur kekal tanpa mendapat kebenaran serta kelulusan pihak DBKL”

bahawa kewajipan pihak perbadanan pengurusan adalah menyenggara dan menguruskan dengan sepatutnya bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak dan harta bersama dan menjaganya dalam keadaan yang baik,” katanya.

Katanya, pihak COBKL mengeluarkan surat kepada beberapa pemilik petak yang terbabit dalam pengubahsuaian itu dan

sesalinan turut dipanjangkan kepada pihak perbadanan pengurusan.

Menurutnya, pihak perbadanan pengurusan atau pemilik petak perlu memastikan semua pengubahsuaian, tambahan dan pembinaan struktur kekal tanpa kebenaran kembali kepada bentuk asal.

“Tindakan susulan yang sama akan dibuat terhadap pemilik-pemilik petak lain yang didapati terlibat dengan pengubahsuaian kediaman strata hak milik bersama tanpa kebenaran dan kelulusan DBKL,” katanya.